



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 2

25hb Januari 2007

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 32.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

MENURUT subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505], Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak, membuat fatwa yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW
(FEDERAL TERRITORIES) ACT 1993

FATWA UNDER SECTION 34

PURSUANT to subsection 34(1) of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 [Act 505], the Mufti of Federal Territories, after having discussed with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* set out in the Schedule.

HUKUM MEMBINA DAN MEROBOHKAN BANGUNAN MASJID

Adalah harus merobohkan masjid bagi tujuan pembinaan masjid baru dengan syarat-syarat yang berikut:

- (a) sebuah surau bertaraf sementara hendaklah ditentukan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak bagi tujuan sembahyang Jumaat Kariah berkenaan;
- (b) perkakas atau alat-alat yang masih boleh digunakan hendaklah terus digunakan atau dipanjangkan manfaatnya kepada masjid lain yang berdekatan atau dipanjangkan manfaatnya untuk tujuan wakaf sahaja;
- (c) lebihan batu bata, simen, kayu serta besi dari tapak tersebut hendaklah terus digunakan atau dipanjangkan manfaatnya bagi tujuan wakaf sahaja; dan
- (d) pembinaan kuarters dan kediaman kakitangan masjid adalah tertakluk kepada pandangan dan kelulusan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak.

HUKUM MELANTIK WANITA SEBAGAI HAKIM SYARIE

Wanita harus dilantik menjadi Hakim Syarie dalam kes-kes selain kes hudud dan qisas. Pemilihan dan pelantikan hendaklah dibuat dengan penuh teliti dan teratur.

KUMPULAN *THE BLACK METAL*

Amalan dan perbuatan Kumpulan *The Black Metal* adalah sesat dan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, umat Islam diminta menjauhi kumpulan tersebut kerana perbuatan dan amalan mereka boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam.

HUKUM MENGGUNAKAN KAEDAH AUTOPSI MAYA SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA KAEDAH BEDAH MAYAT

Penggunaan Kaedah Autopsi Maya (*virtual autopsy*) dalam bedah siasat mayat jika memenuhi keperluan, wajib diberi keutamaan berbanding kaedah bedah siasat yang diamalkan sekarang.

STATUS KESUCIAN IKAN DIBERI MAKANAN TIDAK HALAL

Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging babi, bangkai dan sebagainya.

KEDUDUKAN AIR MUSOFFA DAN SEUMPAMANYA

Penjualan air musoffa dan sebarang jenis air yang diproses seumpamanya secara komersil adalah dilarang kerana boleh membuka ruang kepada penyelewengan akidah, khurafat dan penipuan.

TARIQAT ZIKRULLAH HASAN ANAK RIMAU DAN AYAH PIN

- (a) bahawa ajaran Tariqat Zikrullah Hasan Anak Rimau dan Ayah Pin didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, orang Islam dilarang mengamalkan ajaran itu dan menyebarkannya; dan
- (b) Orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan ajaran Tariqat Zikrullah Hasan Anak Rimau dan Ayah Pin di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

AJARAN SALAH HAJI KAHAR BIN HAJI AHMAD JALAL

- (a) bahawa Haji Kahar bin Haji Ahmad Jalal telah membawa ajaran ilmu salah kerana telah menyeleweng daripada akidah dan hukum syariat Islamiah yang sebenar dan telah membuat penghinaan kepada para ulama yang muktabar;
- (b) buku yang dikarang oleh beliau bertajuk "Al-Furqaan-Pembeda" juga adalah haram daripada dicetak, diedar, dibaca, disimpan dan digunakan oleh orang ramai; dan
- (c) orang ramai adalah dilarang mengamalkan ajaran tersebut serta menyebarkannya.

Bertarikh 3 Januari 2007

Dated 3 January 2007

[PMWP/100/20 Klt. 2; PN(PU²)530/IV]

DATO' HJ. WAN ZAHIDI BIN WAN TEH
*Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan/
Mufti for the Federal Territories*

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN